



DOI: [10.51377/azjaf.vol4no3.150](https://doi.org/10.51377/azjaf.vol4no3.150)

## AL-QARD FINANCING THROUGH ZAKAT FUND TO MAIWP B40 ENTREPRENEURS ASNAF

### PEMBIAYAAN AL-QARD MENERUSI DANA ZAKAT KEPADA USAHAWAN ASNAF B40 MAIWP

NORHAYATI MOHAMAD NOR

Pusat Kajian Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Email: [norhayatimn@islam.gov.my](mailto:norhayatimn@islam.gov.my)

ABDUL BASIR MOHAMAD

Pusat Kajian Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Email: [abasir@ukm.edu.my](mailto:abasir@ukm.edu.my)

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 7<sup>TH</sup> FEB. 2023; REVISED – 10<sup>TH</sup> JUNE 2023; ACCEPTED – 18<sup>TH</sup> SEPT. 2023)

### ABSTRACT

Al-Qard is a loan contract involving two parties that aims for social welfare in addition to meeting the borrower's short-term financial needs. While the loan payment amount is the same as the amount borrowed. There are scholars' views which require and which do not require the financing of al-Qard through zakat funds to asnaf entrepreneurs. In addition, there is a fatwa in Malaysia that rejects and requires the financing of al-Qard through zakat funds for asnaf entrepreneurs. Therefore, this study found that the justification of running al-Qard financing through zakat funds to asnaf B40 MAIWP entrepreneurs is very relevant because there are B40 Asnaf entrepreneurs applying for loans from other institutions through the AIM financing scheme and the TEKUN financing scheme. In the meantime, al-Qard financing has been implemented in the form of non-zakat loans such as the i-Bangkit program at Bank Islam and personal loans among MAIWP staff. Likewise, there is an al-Qard Financing model that uses zakat funds has been formed in the Alliance Islamic Bank Berhad Micro Credit Financing Scheme, the LZNK Micro Credit Financing Scheme and the Business Loan Assistance Scheme at the Malacca Zakat Center.

**Keywords:** Al Qard Financing; Zakat Fund; MAIWP; Asnaf Entrepreneurs; B40

## **ABSTRAK**

Al-Qard ialah suatu kontrak pinjaman yang melibatkan dua pihak yang bertujuan untuk kebajikan sosial selain memenuhi keperluan kewangan jangka pendek peminjam. Manakala amaun bayaran pinjaman adalah sama dengan amaun yang dipinjam. Terdapat pandangan ulama yang mengharuskan dan yang tidak mengharuskan pembentukan al-Qard menerusi dana zakat kepada usahawan asnaf. Di samping itu, terdapat fatwa di Malaysia yang menolak dan yang mengharuskan pembentukan al-Qard menerusi dana zakat kepada usahawan asnaf. Oleh yang demikian, kajian ini mendapati justifikasi menjalankan pembentukan al-Qard menerusi dana zakat kepada usahawan asnaf B40 MAIWP sangat relevan kerana terdapat usahawan Asnaf B40 memohon pinjaman kepada institusi lain melalui skim pembentukan AIM dan skim pembentukan TEKUN. Dalam pada itu, pembentukan al-Qard telah dilaksanakan dalam bentuk pinjaman bukan wang zakat seperti program i-Bangkit di Bank Islam dan pinjaman peribadi dalam kalangan kakitangan MAIWP. Begitu juga terdapat model Pembentukan al-Qard yang menggunakan dana zakat telah dibentuk dalam Pembentukan Mikro Kredit Alliance Islamic Bank Berhad, Skim Pembentukan Mikro Kredit LZNK dan Skim Bantuan Pinjaman Perniagaan di Pusat Zakat Melaka.

**Kata Kunci:** Pembentukan al Qard; MAIWP; Dana Zakat; Usahawan Asnaf; B40

## **PENDAHULUAN**

In Zakat merupakan ibadah yang disyariatkan oleh Islam dan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ummah. Zakat bukan hanya berkaitan dengan hubungan dan kewajipan manusia dengan Allah SWT, tetapi merangkumi hubungan dan kewajipan sesama manusia dengan manusia dan makhluk yang lain. Di samping itu, zakat juga menyentuh aspek-aspek lain berkaitan kerohanian dan kebendaan dalam pelbagai bidang termasuklah bidang kemasyarakatan, ekonomi, politik dan sebagainya.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Seringkali berlaku golongan yang miskin adalah sukar untuk mendapatkan akses pinjaman daripada institusi perbankan. Lebih-lebih lagi usahawan asnaf yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap keupayaan untuk berjaya dalam sesebuah perniagaan daripada beberapa aspek tertentu. Menurut kajian Mohhairil et al. (2021) menunjukkan bahawa modal perniagaan yang tinggi menyebabkan usahawan membuat pinjaman daripada kawan-kawan. Pinjaman juga dibuat melalui TEKUN untuk memastikan kewangan cukup untuk menjalankan aktiviti keusahawanan.

Selain itu, kajian Nor Aishah Mohamed dan Muhammad Hussin (2021) mendapati bahawa terdapat keperluan pembiayaan mikro kredit Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dari segi daya tahan dalam perniagaan yang dijalankan dari aspek pengukuhan dalam pengurusan kewangan, membina ketahanan mental usahawan dan operasi perniagaan menjadi lebih cekap. Pinjaman yang diterima bukan sahaja berjaya mengatasi masalah kewangan usahawan malah membantu usahawan lebih berdaya maju dalam perniagaan yang diusahakan.

Disamping itu, menurut Khairil Anwar Mohd Amin (2021) mendapati bahawa pihak berkuasa perlu membantu penjaja kecil wanita kerana kemampuan mereka berada pada tahap kritis dengan modal pusingan perniagaan yang terhad serta akses kredit yang rendah kerana hampir 60.2 peratus permohonan kredit dan pinjaman oleh peniaga kecil wanita ditolak oleh pihak bank tempatan.

### **TINJAUAN LITERATUR**

Bagi kajian terdahulu berkaitan dengan tajuk kajian ini ialah kajian oleh Rosbi Abd Rahman et. al (2008) yang bertujuan untuk menganalisis perbezaan ciri bantuan modal yang diberi kepada fakir miskin yang mungkin menjadi punca perbezaan keberkesanan. Kajian ini juga cuba menilai apakah punca bantuan modal zakat sering menemui kegagalan berbanding bantuan lain. Bentuk bantuan yang diteliti ialah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Pinjaman TEKUN dan bantuan modal zakat oleh Pusat Zakat. Analisis menggunakan fakta kualitatif dan deskriptif. Kajian mendapati bahawa pada umumnya semua jenis bantuan menitikberatkan persediaan awal. Perbezaan amat nyata adalah dari aspek pemantauan yang mana bagi bantuan modal zakat tidak dilakukan pemantauan. Ia dianggap sebagai bantuan berciri ikhsan yang menjadi hak golongan fakir miskin. Berjaya atau gagal tidak menjadi persoalan penting. Akibatnya ialah penerima bantuan mempunyai motivasi yang rendah, tiada komitmen dan berakhir dengan kegagalan.

Kajian lepas yang dijalankan oleh Rofiah (2011) berkaitan pelaksanaan *al-Qard al-Hasan* di BMT al-Khairat Pamekasan Indonesia. Kajian ini menjelaskan mengenai konsep *al-Qard al-Hasan* secara keseluruhan danuraian pelaksanaan *al-Qard al-Hasan* menurut prinsip dan aplikasinya di BMT al-Khairat Pamekasan Indonesia. Kajian mendapati bahawa pelaksanaan *al-Qard al-Hasan* adalah selari dengan prinsip syariah berdasarkan kepada dua kategori pinjaman yang dijalankan iaitu pinjaman produktif (pinjaman untuk modal usaha) dan pinjaman konsumtif (pinjaman untuk keperluan asas keluarga) yang mempunyai daya saing yang baik dengan institusi kewangan Islam yang lain. Namun, kajian mendapati bahawa masih wujud permasalahan tetapi tidak menunjukkan kesan yang amat ketara terhadap pelaksanaan *al-Qard al-Hasan*.

Kajian terdahulu oleh Nurul Ilyana Muhd Adnan et.al (2017) mengenai teori agihan dana zakat kepada penerima zakat dalam bentuk mikro kredit ialah agihan yang diberikan kepada asnaf dalam bentuk pembiayaan modal. Dapatkan analisis menyatakan bahawa asas yang boleh dipakai untuk mekanisme bantuan modal dalam bentuk mikro kredit ialah maslahah mursalah. Manakala pembiayaan mikro melalui agihan dana zakat adalah dibenarkan. Dari perspektif maslahah, pembiayaan mikro menerusi agihan dana zakat ini adalah bantuan jangka masa panjang dengan matlamat mengangkat golongan asnaf kepada pembayar zakat.

Kajian terdahulu oleh Nurul Ilyana Muhd Adnan dan Muhammad Adib Che Roselam (2018) yang bertujuan untuk menganalisis kesediaan institusi-institusi zakat di Malaysia dalam mengaplikasikan pembiayaan mikro daripada dana zakat. Kajian mendapat terdapat kecenderungan dalam mengaplikasikan pembiayaan mikro daripada dana zakat. Dengan erti kata lain, institusi-institusi zakat di Malaysia bersedia melaksanakan agihan zakat dalam bentuk pembiayaan mikro. Hal ini sekali gus akan mengelakkan golongan usahawan asnaf daripada terjebak dengan pinjaman yang berunsur riba daripada institusi kewangan konvensional. Perkara ini adalah tidak bertentangan dengan maqasid syariah yang ingin dicapai dan mengelakkan daripada kerosakan (*mafsadah*). Pembiayaan ini dilihat mampu memberi impak yang baik dalam kelestarian agihan zakat.

Kajian lepas oleh Nurcahyaya et. al (2019) yang bertujuan untuk mengkaji bagaimana hukum meminjamkan (*al-qard*) zakat kepada mushtahik menurut fuqaha dan bagaimana proses pelaksanaan *al-qard* zakat kepada mushtahik di lembaga atau badan amil Indonesia dan Malaysia. Hasil penelitian menemukan dua kelompok ulama fiqh yang berbeda pendapat tentang kebolehannya. Kelompok pertama, seperti Yusuf al-Qardhawi, Abu Zahrah, Khallaf dan Hasan mengatakan boleh harta zakat dipinjamkan berdasarkan qias terhadap orang yang berhutang. Kelompok kedua, seperti Muhammad Bin Shalih Utsaimin dan Husein Shahatah berpendapat bahawa harta zakat apabila telah dibayarkan, maka wajib untuk segera dikeluarkan, kepemilikannya menjadi milik mustahik dan tidak diperbolehkan bagi lembaga atau badan amil mendistribusikan zakat dalam bentuk *al-qardh* (pinjaman).

Berdasarkan kajian-kajian literatur ini, dapat dirumuskan bahawa para pengkaji memberi perhatian mengenai pelaksanaan bantuan zakat perniagaan berdasarkan *al-Qard al-Hasan*. Walau bagaimanapun, kajian-kajian lepas dilihat masih kurang mengetengahkan konsep *al-Qard al-Hasan* sebagai kerangka teori dalam bantuan zakat perniagaan kepada usahawan asnaf B40 di MAIWP secara mendalam. Justeru kajian mengenai pembiayaan *al-Qard* menerusi dana zakat kepada usahawan asnaf B40 MAIWP adalah perlu dijalankan.

## **KAEDAH PENYELIDIKAN**

Kajian ini melibatkan pemilihan reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data serta kaedah analisis data bagi menghasilkan kajian yang lebih efektif. Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji akan menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Kajian kualitatif digunakan bagi mendapatkan maklumat mengenai konsep bantuan zakat perniagaan dan pelaksanaan di MAIWP. Data-data yang diperolehi akan dianalisis bagi menghasilkan jawapan persoalan yang dikaji.

Bagi kajian ini, analisis dokumen dan temu bual akan dijalankan bagi memperoleh maklumat yang berkaitan bagi mencapai objektif bagi kajian ini. Kajian menjalankan temu bual terhadap informan terpilih yang terdiri daripada Pegawai MAIWP dan pihak Majlis Agama Islam yang terlibat secara langsung melaksanakan bantuan zakat perniagaan dalam pengurusan agihan zakat. Temubual yang dijalankan adalah berbentuk separa struktur iaitu pengkaji mempunyai kebebasan untuk mengemukakan soalan susulan.

Kaedah penganalisisan data menggunakan kaedah tematik untuk mengidentifikasi tematik tema-tema yang dikenal pasti, dikodkan secara deduktif daripada data kualitatif melalui rakaman audio. Begitu juga kaedah deduktif digunakan dalam kajian ini bagi tujuan menganalisis data daripada dapatan dan kesimpulan yang umum dengan menggunakan kaedah generalisasi yang kemudiannya dipecahkan menjadi fakta yang khusus bagi menjelaskan dapatan dan kesimpulan umum yang didapati pada awalnya. Manakala kaedah deskriptif dijalankan bagi memastikan maklumat yang penting dapat dikumpulkan serta dapat merumuskan dapatan kajian yang dijalankan.

## **KONSEP PEMBIAYAAN *AL-QARD* (HUTANG)**

Pinjaman atau *al-Qard* ialah satu kontrak yang laksanakan atas dasar bantu membantu yang dilakukan secara sukarela dan belas kasihan kepada individu yang memerlukan (Norajila Che Man et al., 2015). Realitinya, masyarakat pada hari ini tidak terlepas daripada melakukan pembiayaan *al-Qard* bagi memenuhi keperluan kehidupan. Individu yang merancang pembiayaan *al-Qard* dengan baik dan sistematis akan memastikan pembiayaan yang dilakukan mendatangkan pulangan yang lumayan dan pembayaran balik dapat dilunaskan mengikut masa yang ditetapkan. Oleh itu, pembiayaan *al-Qard* secara tidak langsung meningkatkan taraf kehidupan masyarakat dan pada yang sama menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan.

### **i. Pengertian *Al-Qard***

*Al-Qard* dari segi bahasa bermaksud *al-Qat'u* (potong). Harta yang diberikan kepada orang yang berhutang dinamakan *al-Qard* kerana pemutang memotong seperti mengambil sebahagian hartanya untuk diberikan kepada penghutang

(Wahbah al-Zuhayli, 1989). Dari segi istilah, *al-qard* merujuk kepada penyerahan sesuatu barang atau harta daripada pemutang kepada penghutang dengan syarat barang tersebut atau sesuatu yang sama nilai dengannya akan digantikan kembali kepada pemilik asal tanpa sebarang penambahan. Oleh itu, *al-Qard* ialah suatu kontrak pinjaman yang melibatkan dua pihak yang bertujuan untuk kebajikan sosial selain memenuhi keperluan kewangan jangka pendek peminjam. Manakala amaun bayaran pinjaman adalah sama dengan amaun yang dipinjam.

## ii. Pensyariatan, Dalil Dan Rukun *Al-Qard*

*Al-Qard* telah disyariatkan melalui al-Quran, al-Sunah dan Ijmak. Allah SWT menjelaskan mengenai hutang dan hak orang yang berhutang di dalam al-Quran sepetimana firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah, 2: 245:

Maksudnya: “*Siapakah yang mahu memberi pinjaman kepada Allah, pinjaman yang baik (menafkahkan hartanya di jalan Allah), maka Allah akan melipat gandakan pembayaran kepadanya dengan lipat ganda yang banyak. Dan Allah menyempitkan dan melapangkan (rezeki) dan kepada-Nya-lah kamu dikembalikan.*”

Al-Tabari (1968) membahaskan ayat ini bahawa Allah SWT menjanjikan pahala yang besar bagi hamba-hambanya yang sanggup menyumbangkan harta mereka di jalan Allah SWT. Di dalam ayat ini juga, Allah SWT menyebut perkataan *al-Qard* yang membawa maksud pinjaman yang baik. Menurut al-Tabari, berdasarkan pentafsiran beliau mengenai maksud perkataan *al-Qard* ialah pemberian dari hamba kepada tuhannya dengan pemberian yang direhdai Allah. Sebutan perkataan قرضًا dengan ayat ini kerana orang Arab pada masa itu menyamakan maksud صدق dengan قرض.

Menurut Ibn Kathir (1988) pula, perkataan *al-Qard* dalam ayat ini bermaksud nafkah atau infaq di jalan Allah SWT. Pandangan beliau menyamai dengan pandangan al-Qurtubi (1967) bahawa ayat ini menyeru kepada semua orang-orang yang beriman berjihad di jalan Allah SWT dan syahid. Ini kerana keadaan ini merupakan sebahagian daripada infaq *al-Qard* seorang hamba kepada Allah SWT. Beliau menjelaskan lagi makna حسنة yang bermaksud pinjaman yang tidak diminta untuk dibalas, yang mana beliau menyandarkan pandangan ini berdasarkan tafsiran yang diberikan oleh Sahal Ibn Abdullah.

Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA menyatakan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: “*Siapa yang berhutang dengan maksudnya membayarnya kembali, Tuhan akan menolongnya membayar kembali. Sesiaapa yang*

*mengambil harta orang lain dengan maksud ingin menghilangkannya, Tuhan akan menghilangkan hartanya.”* (Riwayat al Bukhari, Jilid 1, h.596)

Menurut Badruddin abi Mahmud bin Ahmad al-'aini (t.th) bahawa maksud (إِعْدَاد) di sini adalah khusus kepada penghutang wajib memulangkan semula barang yang dipinjamkan seperti mana asalnya. Hadis ini menjadi dalil kepada kewajipan pembayaran semula hutangnya kepada pemutang. Hadith yang diriwayatkan daripada Ibnu Mas'ud meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

Maksudnya: “Bukan seorang muslim (mereka) yang meminjamkan muslim (lainya) dua kali kecuali yang satunya adalah (senilai) sedekah.” (Riwayat Ibnu Majah, no. hadith 2430, 2: 812)

Daripada Abu Hurairah bahwa Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: “Barang siapa melepaskan satu kesusahan di antara sekian banyak kesusahan dunia dari seorang Muslim, niscaya Allah akan melepaskan dari satu kesusahan dari sekian banyak kesusahan di hari kiamat. Barang siapa memberi kemudahan kepada orang yang sedang dalam kesulitan, niscaya Allah akan memberi kemudahan kepadanya di dunia dan akhirat. Allah senantiasa menolong hamba-Nya selama hamba-Nya tersebut menolong saudaranya.” (Riwayat Muslim, no. hadith 2699, 4: 2074)

Daripada penjelasan hadith di atas, dapat difahami bahawa *al-Qard* merupakan akad yang dianjurkan dan akan mendapat ganjaran Allah SWT. Bahkan ia termasuk dalam amal kebaikan apabila pihak peminjam melebihkan pengembalian pinjamannya dengan syarat tiada perjanjian awal sewaktu akad *al-Qard* dilakukan.

Para ulama telah bersepakat bahawa *al-Qard* boleh dilakukan. Ulama-ulama Mazhab Syafii dan Mazhab Hanafi bersepakat menyatakan kontrak hutang telah diijmakkkan oleh para mujtahid mengenai keharusannya. Di samping itu, seluruh umat Islam telah mengamalkan sistem ini semenjak zaman Rasulullah hingga ke zaman sekarang, bahkan tiada mana-mana ulama menentang akad ini (Mustafa al-Khin, 1996). Kesepakatan ulama didasari oleh tabiat manusia yang tidak boleh hidup tanpa pertolongan dan bantuan saudaranya. Oleh itu pinjam meminjam sudah menjadi sebahagian daripada aktiviti dalam kehidupan di dunia ini, apatah lagi Islam adalah agama yang sangat mengutamakan keperluan umatnya (Syafii Antonio, 2001).

Menurut Zain al-Din bin Abd al-'Aziz (t.th) dan al-Muhalli (1995) bahawa para Ulama Mazhab Syafii memperincikan *al-Qard* kepada beberapa

hukum dengan melihat kepada keadaan dan situasi kedua-dua pihak. Situasi dan keadaan tersebut adalah sepetimana berikut:

- a. Haram apabila seseorang memberi pinjaman dan mengetahui bahawa wang tersebut dipinjam untuk melakukan sesuatu yang haram seperti minum arak.
- b. Makruh apabila mengetahui bahawa si peminjam akan menggunakan harta yang dipinjam dalam perkara-perkara yang tidak berfaedah.
- c. Wajib apabila si peminjam sangat berhajat dan memerlukan harta tersebut untuk kegunaan yang dibenarkan oleh syarak serta tiada jalan lain melainkan meminjam kepada mereka yang berkemampuan.

### iii. Rukun Dan Syarat *Al-Qard*

Terdapat beberapa rukun dan syarat yang ditetapkan dalam melaksanakan akad *al-Qard*. Akad *al-Qard* akan terbatal sekiranya rukun dan syarat *al-Qard* tidak dapat dipenuhi atau tidak sempurna. Rukun dan syarat akad *al-Qard* adalah sepetimana berikut:

- a. Peminjam / Penghutang (*muqtaridh*) ialah orang yang meminjam sama ada dana atau barang daripada pihak yang memberi pinjaman. Peminjam/Penghutang disyaratkan bukan seorang yang *mahjur 'alaik* kerana *safih*, orang gila atau kanak-kanak, tiada unsur-unsur paksaan (redha) serta berkemampuan untuk membayar balik pinjaman yang dibuat.
- b. Pemutang (*muqrigh*) ialah orang atau pihak yang memberi pinjaman sama ada dana atau barang kepada peminjam. Pemutang disyaratkan seorang yang boleh menguruskan harta (*tabarru'*) dan bukan seorang yang gila serta tidak berlaku unsur-unsur paksaan (redha).
- c. Dana (*al-Qard*) atau barang yang dipinjam (*muqtaradh*) ialah sejumlah dana atau barang yang dipinjamkan kepada pihak peminjam. Menurut pandangan Mazhab Hanafi, harta yang dipinjamkan haruslah harta yang ada di pasaran dan harta yang mempunyai nilai (mithil). Manakala menurut pandangan jumhur ulama harta yang dipinjamkan dalam *al-Qard* ialah apa jua harta yang boleh dijadikan tanggungan. Selain itu, ukuran, jumlah, jenis dan kualiti harta yang dipinjamkan perlu jelas supaya mudah untuk dikembalikan serta menghindari perselisihan di antara pihak yang melakukan akad *al-Qard*. (Wahbah al Zuhayli, 1989).
- d. *Sighah* (*ijab* dan *qabul*) hendaklah menggunakan lafadz *ijab* dan *qabul* yang jelas yang membawa maksud pemberian pinjaman dan hutang. Seperti "Aku memberikan engkau meminjam RM 100 dan hendaklah digantikan kembali wang ini kepadaku."

## **PANDANGAN ULAMA MENGENAI *AL-QARD* MENERUSI DANA ZAKAT KEPADA USAHAWAN ASNAF**

Pembentukan *al-Qard* daripada zakat ialah bantuan zakat perniagaan yang diberikan melalui pemberian pinjaman kepada usahawan asnaf menggunakan dana zakat. Usahawan asnaf akan mengembalikan dana zakat yang dipinjam kepada institusi zakat untuk membantu usahawan asnaf yang lain. Oleh itu, manfaat yang diterima melalui pinjaman ini akan berterusan dan dana zakat dapat digunakan secara optimum untuk manfaat usahawan asnaf yang lain.

Jumhur fuqaha' tidak membincangkan secara khusus mengenai hukum pelaksanaan pembentukan *al-Qard* daripada bantuan zakat. Perbincangan ulama lebih tertumpu kepada pelaksanaan agihan zakat kepada lapan golongan musytahiq yang telah ditetapkan sebelumnya yang telah dijelaskan sebelum ini. Oleh itu, terdapat khilaf ulama mengenai hukum pembentukan *al-Qard* menerusi bantuan zakat iaitu pendapat yang menolak dan pendapat yang mengharuskan.

### **i. Pandangan Yang Tidak Mengharuskan Pembentukan *Al-Qard* Daripada Dana Zakat Kepada Usahawan Asnaf**

Jumhur fuqaha' dalam kalangan Mazhab Hanafi, Syafii dan Hanbali mensyaratkan pemilikan (*tamlik*) dalam agihan zakat. Hal ini adalah bersandarkan kepada kefahaman umum dalil berkenaan peruntukan agihan zakat kepada lapan golongan asnaf yang dijelaskan dalam Surah at-Taubah ayat ke-60. Oleh itu, kaedah asal dalam agihan zakat adalah berlakunya pemilikan. Sebaliknya pemberian pinjaman adalah bercanggah dengan kaedah ini. Al-Syirazi (1996) menyebut sebagaimana yang dinyatakan al-Nawawi:

*“Dan Allah menyandarkan semua zakat kepada mereka dengan buruf ‘laam’ bermakna tamlik (pemilikan) dan Allah menghimpunkan antara semua asnaf dengan buruf ‘waw’. Maka ini menunjukkan bahawa zakat tersebut dimiliki oleh mereka dan dikongsi oleh mereka bersama”.*

Sebahagian ulama yang tidak mengharuskan agihan zakat dalam bentuk pinjaman kepada asnaf sebagai penerima pinjaman kerana khawatir mereka gagal melunaskan hutang atau tidak dapat membayar semula pada tempoh yang telah ditetapkan. Oleh itu, jika keadaan ini berlaku ia akan memberi impak yang buruk atau mendedahkan dana zakat kepada risiko yang dikhuatiri boleh menjelaskan peruntukan untuk asnaf yang lebih memerlukan dan yang perlu diberi keutamaan.

Pemberian pinjaman adalah menyalahi kaedah asal agihan zakat iaitu perlu diagihkan dengan kadar segera (*fawriyah*). Oleh itu sebarang bentuk agihan yang bersalahan dengan kaedah asal ini tidak diharuskan. Pemberian pinjaman

tidak diharuskan berdasarkan kaedah *sadd al džara'ie* kerana dikhuatiri diberi kepada golongan yang tidak layak atau yang tidak menepati asnaf yang ditentukan oleh syarak.

Pemberian pinjaman juga bercanggah dengan *maqasid zakat* iaitu untuk memenuhi keperluan asnaf dan juga menghilangkan kesusahan mereka. Agihan zakat dalam bentuk pemberian pinjaman tidak pernah dinukilkhan daripada amalan para sahabat dan tabiín. Jika sekiranya ia diharuskan, sudah tentu wujud amalan seumpama ini pada zaman salafussoleh.

## ii. Pandangan Yang Mengharuskan Pembiayaan *Al-Qard* Daripada Dana Zakat Kepada Usahawan Asnaf

Pengagihan zakat dilaksanakan bertujuan untuk membangunkan asnaf zakat sama ada dalam bidang kerohanian, sosial, Pendidikan dan ekonomi. Pengagihan zakat dalam bidang ekonomi boleh dilaksanakan melalui kaedah zakat produktif. Pengagihan zakat produktif dilakukan dengan menyediakan modal kerja secara pembiayaan *al-Qard*.

Menurut Nurul Ilyana Muhd Adnan et al. (2021), ulama kontemporari yang menyokong kaedah ini ialah Mustafa al-Zarqa' dan Yusof al-Qaradawi yang berpandangan satu dana khas perlu diwujudkan untuk melaksanakan pembiayaan *al-Qard*. Muhammad Abu Zahrah, Abd Wahab Khallaf dan Abdul Rahman Hasan menyatakan “*kalaulah zākat boleh digunakan untuk membayar hutang, maka lebih-lebih lagi ia boleh digunakan untuk memberi hutang. Ini kerana bayaran balik kepada pemerintah bukanlah bermakna dana zākat tersebut menjadi hak pemerintah, malah ia akan diagihkan semula kepada penerima zākat yang lain yang hak mereka sebelum ini tertunda*”.

Pandangan ini dinukilkhan daripada pendapat al-Nawawi (t.th) yang menyebut “*fakir dan miskin harus mendapat agihan zakat dalam bentuk modal pelaburan seperti dibelikan alat-alat mengikut kemahiran masing-masing supaya mereka boleh mendapat keuntungan demi memenuhi keperluan harian mereka. Jika golongan fakir dan miskin merupakan seorang tukang kayu, agihan itu harus digunakan untuk membeli alat-alat pertukangan selengkapnya. Jika dia seorang peniaga, berikanlah modal secukupnya bersesuaian dengan perniagaan yang mereka ceburi. Contohnya, peniaga sayur-sayuran dan buah-buahan memerlukan modal sebanyak lima hingga 20 dinar. Penjual minyak wangi 1000 dinar, penjual pakaian 2000 dinar, pengurup wang 5000 dinar dan perniagaan intan berlian 10,000 dinar. Bagi asnaf yang tidak mampu berniaga disebabkan sakit kekal atau tiada kemahiran walaupun diberikan latihan bolehlah dibelikan aset sebagai modal pelaburan yang dapat menampung diri dan tanggungannya serta menjadi harta pusaka.*”

Al-Nawawi (t.th) telah membahaskan secara khusus mengenai modal kerja. Beliau menjelaskan bahawa modal kerja boleh disediakan dalam bentuk tunai atau peralatan yang bersesuaian dengan kemahiran masing-masing. Selain

itu, amaun atau jumlah modal perniagaan perlu diagihkan bersesuaian dengan bidang perniagaan yang dilaksanakan. Al-Nawawi (t.th) turut menyebut, agihan dalam bentuk pelaburan boleh disediakan kepada penerima zakat yang tidak produktif. Misalnya penerima zakat yang tidak mampu bermiaga disebabkan sakit kekal atau tiada kemahiran walaupun diberikan latihan, mereka bolehlah diberikan zakat dalam bentuk pelaburan. Hasil dari pelaburan tersebut diberikan kepada mereka untuk kegunaan diri sendiri dan tanggungan serta boleh dijadikan harta pusaka.

Ulamak kontemporari turut membahaskan pengagihan dalam bentuk pelaburan. Mereka telah mencadangkan sedikit perubahan. Menurut mereka pemerintah dibolehkan membuat pelaburan dalam projek-projek perkilangan dan perladangan bagi pihak penerima zakat. Antara mereka ialah Mustafa al-Zarqa' dan Yusuf al-Qaradawi (Mujaini Tarimin, 2005).

Mustafa al-Zarqa (t.th) menyebut bahawa: *"Saya berpendapat apa-apa cara sekalipun pelaburan yang dilakukan bertujuan untuk mengembangkan lagi agihan zakat, satu menjadi dua, dua menjadi tiga dan seterusnya. Pelaburan tersebut hendaklah dikelolakan pegawai yang beramanah dan dilaburkan kepada projek yang tiada berisiko tinggi. Pelaburan tersebut melibatkan bidang perniagaan, pembuatan atau apa-apa juga pelaburan yang boleh mendapatkan keuntungan yang halal."*

Yusuf al-Qaradawi (1977) turut berpendapat pemerintah diharuskan melabur sama ada dalam sektor perindustrian, harta tanah ataupun pertanian. Beliau menyebut seperti berikut: *"Berdasarkan aliran pemikiran untuk mengkayakan orang miskin, adalah diberuskan bahagian yang dipertanggungjawabkan mengurus institusi zakat, jika banyak hasil kutipan dan banyak sumber zakat yang boleh dikutip, mendirikan kilang atau industri atau membeli tanah pertanian atau membina bangunan atau gedung perniagaan atau sesuatu program untuk menambah sumber pendapatan yang dihakmilikkan kepada fakir dan miskin untuk menampung pendapatan tetap mereka. Hak milik mereka tidak boleh dipindah milik kepada orang lain atau dijual. Jadikan hak milik mereka seperti harta wakaf."*

Oleh itu, tidak berlaku perselisihan di kalangan ulamak klasik dan ulamak kontemporari terhadap pelaburan daripada dana zakat dengan syarat pelaburan tersebut dimiliki oleh penerima zakat. Malah mereka berpendapat, harta pelaburan tersebut juga boleh dijadikan harta pusaka.

Syarat *tamlīk* merupakan isu perbincangan dari kalangan ulama untuk melihat sejauh mana pemilikan golongan asnaf dan kebebasan mereka untuk menggunakan sepenuhnya peruntukan dana zakat yang diperolehi. Al Shawkani berpandangan tidak disyaratkan *tamlīk* jika wujud *hajah* (keperluan). Syarat *tamlīk* sepertimana yang disepakati oleh jumhur fuqaha' masih lagi dalam ruang lingkup perbahasan ijtihadi dan ia bukan perkara Ijmak. Oleh itu, perbincangan untuk menganalisis *hajah* masih terbuka (Nurul Ilyana, 2021).

Nurul Ilyana (2015) dan Hasanah Abd Khafidz (2006) menyatakan hukum yang membolehkan dana zakat diberikan dalam bentuk-bentuk pembiayaan *al-Qard* berdasarkan kefahaman bahasa dalam ayat surah at-Taubah ayat 60. Allah SWT dalam ayat tersebut menggunakan lafaz “*l*” dan “*f*” semasa menyebut golongan yang berhak menerima dana zakat. Lafaz “*l*” digunakan untuk asnaf fakir, miskin, amil dan mualaf. Lafaz “*f*” pula disebut sebanyak dua kali. Pertama ialah untuk hamba dan orang yang berhutang. Kedua ialah *fi sabilillah* dan *ibn sabil*. Lafaz “*l*” berasal daripada huruf “*laam*” yang tergolong dalam huruf “*laam al-idafah*” iaitu “*laam*” yang digunakan bagi menyandarkan sesuatu kepada pemiliknya atau menisbahkan sesuatu yang boleh dimiliki kepada orang yang berhak memiliki. Antara “*laam al-idafah*” ialah “*laam al-mulk*” iaitu pemilikan dan “*laam al-tamlīk*” iaitu pindahan hak milik. Allah SWT menyatakan pemilikan harta zakat adalah hak mutlak golongan fakir, miskin, amil dan mualaf. Golongan ini diberi kebebasan untuk menggunakan harta yang diterima mengikut kehendak masing-masing (Hasanah Abd Khafidz, 2006).

Lafaz “*f*” pula tergolong dalam perkataan yang tidak menunjukkan apa-apa makna jika bersendirian. Ia akan memberikan makna jika diletakkan dengan perkataan lain dalam susunan ayat. Kebanyakan ulamak menyatakan penggunaan “*f*” dalam pengagihan zakat kepada golongan hamba, orang yang berhutang, *fi sabilillah* dan *ibn sabil* adalah berkaitan dengan kemaslahatan. Mereka sama sekali tidak mempunyai hak peribadi terhadap harta tersebut (Hasanah Abd Khafidz, 2006).

## **FATWA DI MALAYSIA MENGENAI *AL-QARD* MENERUSI DANA ZAKAT KEPADA USAHAWAN ASNAF**

### **i. Fatwa Yang Menolak Pembiayaan *Al-Qard* Daripada Dana Zakat Kepada Usahawan Asnaf**

Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang pada tahun 2009 tidak membenarkan konsep ini kerana menurut mereka tidak ada mana-mana Majlis Agama Islam Negeri-negeri yang melaksanakan skim pinjaman pengajian dari sumber zakat. Wang zakat itu sendiri tidak boleh diberi sebagai bantuan pinjaman kerana harta zakat merupakan *tamlīk* (pemberi milik) bukan untuk pinjaman kepada mereka. Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan pada tahun 2021 tidak membenarkan pembiayaan mikro (pemberian pinjaman menerusi dana zakat). Jawatankuasa berpandangan bahawa pembiayaan akan diberikan kepada golongan asnaf yang memerlukan dan mereka tidak perlu membayar balik pembiayaan tersebut. Jawatankuasa turut berpandangan bahawa golongan asnaf perlu diberi bimbingan yang berterusan.

## ii. Fatwa Yang Mengharuskan Pembiayaan *Al-Qard* Daripada Dana Zakat Kepada Usahawan Asnaf

Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Negeri Selangor pada tahun 1998 telah membuat keputusan mengharuskan kaedah ini. Mereka telah bersetuju dan menerima dengan pembaharuan pelaksanaan agihan modal melalui konsep bayar semula separuh peruntukan agihan modal dalam Dana Amanah Fakir/Miskin dan Muallaf (DAM).

Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka pada tahun 2011 pula membenarkan pinjaman melalui agihan zakat dengan syarat. Menurut mereka, skim bantuan pinjaman perniagaan secara *al-Qard al-Hasan* daripada asnaf al-Gharimin boleh dibuka kepada sesiapa sahaja tanpa mengambil kira pendapatan pemohon selagi mana perniagaan yang dijalankan tidak bercanggah dengan syarak. Walau bagaimanapun, disebabkan dana zakat yang terhad, maka pentadbir zakat perlu menetapkan syarat-syarat tertentu dalam pemberian pinjaman perniagaan berdasarkan kaedah *awlaviyyat* iaitu keutamaan bagi menjamin wang zakat dapat diagihkan secara adil kepada semua asnaf yang berhak. Justeru, mereka mengesyorkan supaya skim ini hanya layak untuk pemohon yang memenuhi syarat iaitu pemohon yang hendak memulakan perniagaan dan pemohon yang tidak mampu memperolehi pinjaman daripada mana-mana institusi kewangan berlandaskan syariah.

### MASLAHAH *AL-QARD AL-HASAN* MENERUSI DANA ZAKAT

Berdasarkan pengamalan pengagihan zakat kepada asnaf al-Gharimin tanpa perlu membayarnya, maka dengan itu lebih utama diberikan zakat jika dia mampu membayarnya. Situasi masa kini turut mendorong keperluan dilaksanakan *al-Qard al-Hasan* terhadap asnaf zakat kerana mengelakkan masyarakat terlibat dengan pembiayaan oleh bank-bank konvensional. Lebih-lebih lagi institusi-institusi kewangan berdasarkan riba berkembang dan menyebabkan ramai yang terlibat dengan belenggu riba. Dalam urusan ini, terdapat persamaan antara orang yang berhutang (*al-Mustaqridin*) dan orang yang berhutang (*al-Gharimin*). Perkara ini berdasarkan kaedah *Qiyās* yang memenuhi konsep maqasid Islam dengan menubuhkan dana khas *al-Qard al-Hasan* bagi mengelakkan riba (Yusuf al-Qaradawi, 1977).

Pengagihan zakat dalam bentuk modal kerja melalui *al-Qard al-Hasan* ini dikelompokkan sebagai kategori *tahsiniyah* iaitu tahap terendah selepas *hajiyah* dan *daruriyah* berdasarkan konsep *Maqasid al-Shari'ah* (Armiadi Musa Basyah, 2009). Segala usaha untuk memenuhi keperluan *tahsiniyah* menghasilkan hukum sunat, manakala tindakan mengabaikan keperluan *tahsiniyah* menyebabkan hukum makruh. Oleh yang demikian, modal kerja melalui *al-Qard al-Hasan* boleh

dilakukan walaupun pungutan zakat masih belum dapat memenuhi keperluan asas untuk semua masyarakat.

Selain itu, pengamalan *al-Qard al-Hasan* dalam pengagihan zakat tidak bertentangan dengan konsep *maslahah ammah* yang ingin dicapai (Muhammad Yasir Yusuf, 2010). Pengagihan ini memberikan peluang bagi *mustahiq* untuk berusaha secara maksimum kerana diberikan modal yang mencukupi dalam menjalankan perniagaan. Penerima zakat yang telah menerima bentuk zakat produktif seperti ini akan berusaha untuk berdikari sehingga ia tidak lagi bergantung kepada zakat. Perkara ini telah memberikan implementasi kepada maksud daripada syariah seperti menjaga agama, jiwa dan kemuliaan tercapai dengan baik. Oleh yang demikian, modal kerja melalui *al-Qard al-Hasan* ini menunjukkan manfaat yang besar berbanding agihan zakat dalam bentuk sara diri yang mengakibatkan selamanya mereka bergantung kepada pengagihan zakat. Penerima zakat tidak mungkin akan terkeluar dari putaran kemiskinan.

Selain itu, bayaran balik kepada pemerintah bukanlah bermakna dana zakat tersebut menjadi hak pemerintah. Bayaran balik itu sebenarnya dana zakat yang diagihkan semula kepada penerima zakat yang lain yang hak mereka sebelum ini sedikit tertunda (Zahri Hamat, 2010). Hal ini pula tidak akan menjelaskan maslahah individu penerima zakat lain kerana modal zakat produktif yang telah diberikan tersebut akan dikembalikan semula oleh penerima zakat kepada institusi zakat untuk diagihkan kembali kepada penerima zakat yang lainnya. Oleh itu, maslahah yang bertujuan untuk membebaskan dirinya dari kemiskinan dan mendatangkan implikasi yang baik seperti *mustahiq* zakat melalui usaha *al-Qard al-Hasan* menjadi *muzakki* zakat di kemudian hari dapat direalisasikan melalui pembiayaan *al-Qard* menerusi dana zakat.

### **PERUNTUKAN MENGENAI *AL-QARD* DI BAWAH AKTA 505 AKTA PENTADBIRAN UNDANG - UNDANG ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993**

Peruntukan mengenai *al-Qard* di bawah Akta 505 Akta Pentadbiran Undang - Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 tiada dinyatakan secara khusus. Namun, terdapat pernyataan di Bahagian II - MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN Seksyen 7 (1) (2) (b) Akta 505 Akta Pentadbiran Undang - Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 mengenai *al-Qard* sebagaimana berikut:

Seksyen 7. Kewajipan Majlis bagi kemajuan sosio-ekonomi orang-orang Islam.

(1) Maka hendaklah menjadi kewajipan Majlis untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial

masyarakat Islam dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan selaras dengan Hukum Syarak

(2) Majlis hendaklah mempunyai kuasa, bagi maksud menunaikan kewajipannya di bawah subseksyen (1) -

(b) untuk menggalakkan penjalanan apa-apa kegiatan sedemikian oleh badan-badan atau orang-orang lain, dan bagi maksud itu untuk menubuhkan atau memperkembangkan, atau menggalakkan penubuhan atau perkembangan, badan-badan lain untuk menjalankan apa-apa kegiatan sedemikian sama ada di bawah kawalan atau kawalan separa oleh Majlis atau secara bebas, dan untuk memberikan bantuan kepada badan-badan atau orang-orang lain yang ternyata kepada Majlis mempunyai kemudahan-kemudahan untuk menjalankan apa-apa kegiatan yang sedemikian, termasuklah pemberian bantuan kewangan dengan cara pinjaman atau selainnya.

### **ANALISIS PEMBIAYAAN AL-QARD MENERUSI DANA ZAKAT KEPADА USAHAWAN ASNAF B40 MAIWP**

Dapatan kajian ini berkaitan pandangan tujuh (7) orang peserta kajian iaitu Nadiha, Kamaronnizam, Azlan, Atikah, Nik, Rosman dan Saifuddin terhadap pembiayaan *al-Qard* menerusi dana zakat. Dapatan kajian daripada soalan ini dihimpunkan melalui kaedah temu bual sebagai data utama. Kajian ini mengulas pelaksanaan bantuan zakat perniagaan kepada golongan asnaf B40 di MAIWP. Tema dan sub tema bagi pembiayaan *al-Qard* menerusi dana zakat dirumuskan dalam jadual matriks perbandingan untuk memudahkan pemahaman.

**Jadual 1.** Rumusan bagi Kategori Pembiayaan *al-Qard* menerusi dana zakat

Kategori	Tema
Pembiayaan <i>al-Qard</i> menerusi dana zakat	Usahawan Asnaf Memohon Pinjaman Kepada Institusi Lain
	Pinjaman Bukan Wang Zakat
	Pembiayaan <i>al-Qard</i> menggunakan dana zakat

**Sumber:** Temu bual pelaksanaan bantuan zakat perniagaan kepada golongan asnaf B40 di MAIWP.

Jadual di atas menunjukkan tema bagi kategori Pembiayaan *al-Qard* menerusi dana zakat. Kajian mendapat terdapat tiga (3) tema iaitu Usahawan Asnaf Memohon Pinjaman Kepada Institusi Lain, Pinjaman Bukan Wang Zakat dan Pembiayaan *al-Qard* menggunakan dana zakat. Berikut adalah bukti bagi tema dalam kategori ini:

## i. Usahawan Asnaf Memohon Pinjaman Kepada Institusi Lain

### a) Skim Pembiayaan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)

*“Daripada daptan kita tidak semuanya yang memohon Amanah Ikhtiar Ada, tetapi tetapi tidak ramai dia pergi ke Amanah Ikhtiar.”* (Kamaronnizam, Soalan 5, 6 & 8).

*“Kebanyakan asnaf kita ni ambil pembiayaan dengan Amanah Ikhtiar Malaysia dan TEKUN. Boleh dikatakan majoriti yang ambil pinjaman daripada 2 agensi ni. Diaorang kena bayar tiap-tiap minggu pun ada, bayaran bulanan pun ada.”* (Nadiha, soalan 30).

Dapatkan kajian membincarkan bahawa pembiayaan *al-Qard* melalui Skim Pembiayaan AIM. Program mikro kredit ini telah mendapat perhatian dunia di mana satu persidangan '*Microcredit summit*' yang diadakan pada Februari 1997 telah menghimpunkan beberapa penaja seperti Citicorp, Chase Manhattan dan American Express untuk mengumpulkan geran dan juga pembiayaan sejumlah US21.6 billion bagi menyokong program mikro kredit bagi membantu 100 juta keluarga miskin di seluruh dunia terutama di kalangan kaum wanita (Rankin, 2001). Skim kredit mikro di AIM menunjukkan penetapan caj pengurusan di bawah kontrak *al-Qard* tidak menepati peraturan Syariah kerana caj yang dikenakan berdasarkan peratusan daripada jumlah pinjaman. Kaedah ini tidak menggambarkan kos sebenar yang terlibat dan boleh dikategorikan sebagai *riba* *al-Qard* kerana penetapan tersebut dibuat pada awal kontrak pinjaman (Raziah Md Tahir, 2015).

Walau bagaimanapun, atas budi bicara peminjam boleh membayar balik pinjaman melebih jumlahnya tanpa perjanjian sebagai tanda penghargaan kepada pemberi pinjaman. Lebihan bayaran pada akhir kontrak ini dinamakan sebagai hibah. Tindakan AIM menawarkan konsep ini kepada pemohon kali pertama amat baik dan satu amalan yang diberi ganjaran oleh Allah SWT kerana permohonan buat kali pertama di AIM adalah kebanyakannya daripada golongan yang berada di bawah garis kemiskinan. Kontrak *tawarruq* dibangunkan adalah bagi menggantikan kontrak *al-Qard al-Hasan* yang mana pada ketika itu AIM menerapkan penggunaan kaedah kadar caj yang menjadi punca pertikaian dan perbezaan pandangan dalam kalangan cendekiawan Syariah (Alwani Safiei, 2016).

**b) Skim Pembiayaan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN)**

*“Ada, tetapi tetapi tidak ramai dalam kalangan mereka yang memohon pinjaman di TEKUN. dia boleh pergi ke TEKUN.”* (Kamaronni Zam, Soalan 5, 6 & 8).

*“Kebanyakan asnaf kita ni ambil pembangunan dengan Amanah Ikhtiar Malaysia dan TEKUN. Boleh dikatakan majoriti yang ambil pinjaman daripada 2 agensi ni. Diaorang kena bayar tiap-tiap minggu pun ada, bayaran bulanan pun ada.”* (Nadiha, soalan 30).

Dapatkan kajian menjelaskan bahawa pembiayaan *al-Qard* melalui Skim Pembiayaan Tekun Niaga. Skim ini merupakan bantuan perniagaan disediakan institusi kewangan seperti TEKUN Nasional. TEKUN Nasional menjadi sebuah institusi yang menyediakan peluang-peluang perniagaan serta peluang-peluang menjana pendapatan, pembiayaan modal perniagaan, khidmat bimbingan dan sokongan serta Jaringan Usahawan (TEKUN Nasional, 2016). Namun, urus niaga yang diamalkan oleh dua institusi melalui *al-Qard al-Hasan* ini didapati tidak bebas dari unsur riba yang ditegah oleh Islam dan menyebabkan sebahagian usahawan Muslim enggan untuk mengambilnya (Nik Abdul Rahim & Lokmanulhakim 2015). Alternatif lain yang lebih sesuai dilaksanakan dan kurang perbalahan dalam kalangan ilmuwan Islam untuk menggantikan kontrak yang sedia ada. Institusi *microfinance* seperti TEKUN Nasional telah mengubah kontrak *al-Qard* dalam produk mikronya kepada *tawarruq* atas sebab kewujudan unsur *gharar* dalam penentuan nilai caj pengurusan mengikut kawasan (Azman Yusuf, 2016).

**ii. Pinjaman Bukan Wang Zakat**

**a) Program i-Bangkit**

*“Saya difahamkan tahun ini ada program i-Bangkit. Itu pun dengan kerjasama Bank Islam.”* (Nadiha, soalan 29).

*“Dia memang ada panel yang menentukan prinsip *al-Qard al-Hasan* sebab satunya bila kita sebut *al-Qard al-Hasan* itu tidak ada faedahlah. So maknanya, dia tidak boleh maksima lebih daripada RM20K. Dia hanya sekadar mampu daripada RM20K sebab guna dana sedekah. Dia ada sedekah khas. Itu yang dia guna dana tu, dia pusing balik. Jadi wang bayar balik ikut*

*dia punya circle. Maknaya, bila dah ada balik, banyak dia boleh bagi lebih lagi pada orang.”* (Kamaronnizam, Soalan 10).

*“Berdasarkan kontrak Syariah al-Qard (pinjaman), dengan galakan untuk bersedekah sebagai tambahan kepada pembayaran ansuran bulanan pinjaman. Tiada kadar keuntungan dikenakan iaitu 0%. Jumlah pinjaman min. RM5000, maks. RM20,000. Tempoh pinjaman min. 6 bulan & maks. 3 tahun. Tiada cagaran dan penjamin. Berdaftar dengan SSM dan mempunyai pelan perniagaan yang menunjukkan aliran tunai positif untuk membayar ansuran bulanan. Di Bank Islam, kami tidak menggunakan dana zakat sebagai al-Qard al-Hasan.”* (Azlan/ Atikah, soalan 15 & 18).

Dapatan kajian membicarakan bahawa pembiayaan *al-Qard* melalui pinjaman bukan wang zakat dapat dilihat dalam Program i-Bangkit. Walau bagaimanapun, program ini tidak menggunakan dana zakat kepada golongan asnaf B40 di MAIWP. Menurut Bernama (2021), Bank Islam Malaysia Bhd. kini memperluas kemudahan pembiayaan mikro i-Bangkit kepada segmen usahawan siswa dan belia untuk menggalakkan golongan muda menceburti bidang keusahawanan selain menyokong kelangsungan dan perkembangan perniagaan sedia ada. Kemudahan tersebut dapat menyediakan sokongan dana yang diperlukan dalam membantu perniagaan yang dimiliki golongan muda. Bank Islam berharap usaha itu dapat memberi motivasi dan memperkuuh ekonomi kehidupan usahawan siswa dan belia, sekali gus menyumbang kepada peningkatan penglibatan golongan muda dalam bidang keusahawanan dan perniagaan.

### b) Pinjaman Peribadi Kakitangan MAIWP

*“Kalan dengan MAIWP al-Qard al-Hasan ini kita pinjaman kepada staf adalah. Pinjaman dalam bentuk wang kepada staf dalam bentuk al-Qard al-Hasan. Ia diuruskan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan MAIWP dan tidak menggunakan wang zakat.”* (Nadiha, soalan 26 & 27).

*“Al-Qard al-Hasan ini kalau kita boleh luaskan lagi konsepnya lebih baik. Dulu pun kita di peringkat MAIWP telah ada perancangan untuk buat.”* (Kamaronnizam, soalan 22).

Dapatan kajian menjelaskan bahawa pembiayaan *al-Qard* melalui pinjaman bukan wang zakat dapat dilihat dalam Pinjaman Peribadi Kakitangan MAIWP. Walau bagaimanapun, Pinjaman peribadi ini tidak menggunakan dana

zakat kepada golongan asnaf B40 di MAIWP. Namun begitu, MAIWP selaku organisasi yang berusaha ke arah pencapaian prestasi yang unggul akan sentiasa menghargai pekerja, menjaga kebaikan pekerja, menyediakan latihan dan peluang kerjaya serta menggalakkan komitmen dan penglibatan pekerja dalam organisasi. Perkara ini selari dengan keupayaan organisasi untuk memenuhi aspirasi kerjaya peribadi pekerja mempunyai kesan yang ketara ke atas komitmen mereka (Dessler, 1993). Hubungan ini disokong oleh bukti-bukti empirikal yang menunjukkan bahawa pekerja yang mempunyai tahap tanggapan sokongan organisasi yang tinggi di mana mereka merasakan bahawa organisasinya benar-benar mengambil berat terhadap kebaikan mereka, akan cenderung untuk memberi balasan dengan melibatkan diri dengan kelakuan kewargaan organisasi (Shore & Wayne 1993). Menurut teori pertukaran sosial, individu yang menerima kebaikan akan memberi balasan dalam bentuk kebaikan juga (Blau, 1964). Kebaikan yang diterima akan membuatkan seseorang merasa gembira dan dihargai. Oleh itu apabila pekerja merasakan organisasinya prihatin dan mengambil berat akan kebaikan mereka, pekerja akan merasa gembira dan berpuas hati terhadap pekerjaan mereka dan cenderung untuk memberi balasan dalam bentuk sikap yang positif (Rhoades & Eisenberger 2002).

### iii. Pembiayaan *al-Qard* menggunakan dana zakat

#### a) Pembiayaan Mikro Kredit Alliance Islamic Bank Berhad

*“Terkini, pihak Alliance Islamic Bank Berhad telah membawa kertas kajian mereka ke pihak Jabatan Mufti Negeri Selangor dan pihak mereka telah memberi keizinan kepada Alliance Islamic Bank untuk bekerjasama dengan pihak Lembaga Zakat Selangor bagi membuat projek rintis sebagai percubaan awal kepada konsep pembiayaan mikro kredit menggunakan dana zakat sebelum diputuskan secara rasmi sebarang fatwa berkaitan perkara ini.”* (Azlan/Atikah, soalan 30).

*“Saya bersetuju untuk pembiayaan skim mikro kredit Alliance Islamic Bank Berhad menggunakan al-Qard al-Hasan menggunakan zakat wakalah dan sebagainya. Pertama, bank ni orang business, dia mesti nak untung. Kalau dia buat al-Qard al-Hasan apa yang dia untung kan. Dia takde untung tapi dia buat tu pun untuk tujuan, walaupun dia buat pinjaman yang diperoleh masa tu, dana tu.. asnaf tu kena bayarlab, tapi dalam masa yang sama ada interest, ada keuntungan dan sebagainya.”* (Saifudin, soalan 3).

Dapatan kajian membicarakan bahawa pembiayaan *al-Qard* menggunakan dana zakat melalui Pembiayaan Mikro Kredit Alliance Islamic Bank Berhad. Menurut Tuan Badrul (2022), Alliance Islamic Bank membantu golongan asnaf mendapatkan sumber kewangan yang lebih baik. Usaha ini menggunakan program pembiayaan mikro berasaskan dana zakat. Alliance Islamic Bank bekerjasama dengan institusi-institusi zakat dan rakan strategik yang berpengalaman dalam mengendalikan pembiayaan mikro serta menyediakan latihan kepada usahawan-usahawan kecil. Modal pinjaman ini diberikan tanpa dikenakan sebarang caj. Bentuk pinjaman sebegini bersifat lebih lestari (*sustainable*) melalui bayaran balik daripada asnaf berbanding dengan kaedah agihan biasa iaitu agihan secara terus. Secara tidak langsung, lebih ramai asnaf akan mendapat manfaat dengan bayaran balik oleh asnaf akan dipinjamkan semula kepada asnaf yang lain. Dalam pada itu, konsep pengagihan ini turut diperkenalkan menerusi penerbitan buku yang bertajuk zakat dan pembiayaan mikro. Buku tersebut mengandungi kajian mendalam yang dijalankan oleh pakar-pakar bidang di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Pusat Pungutan Zakat MAWIP dan lain-lain lagi (Dagangnews, 2022).

**b) Skim Pembiayaan Mikro Kredit Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)**

*“Skim mikro-kredit ini menawarkan kepada penerima bantuan yang digelar sebagai usahawan jaya diri. Bermula tahun 2021, projek permulaan dimulakan dengan penyaluran dana dan mengadakan perjanjian pembiayaan bersama 3 orang asnaf di bawah kategori fakir miskin menerusi peruntukan dana amil zakat.”* (Azlan/ Atikah, soalan 30).

*“Mungkin keutamaan bantuan zakat Kedah kepada darurijat, yang hajiat dan tahsiniyat diberi dalam bentuk pinjaman, kena bayar balik. Mungkin dia menggunakan konsep seperti itu sebab dana dia sikit.”* (Saifudin, soalan 5).

Dapatan kajian menjelaskan bahawa pembiayaan *al-Qard* menggunakan dana zakat melalui Skim Pembiayaan Mikro Kredit LZNK. Pembiayaan mikro merupakan pembiayaan untuk perniagaan kecil-kecilan. Sehubungan dengan itu, institusi zakat cuba mentransformasikan golongan asnaf yang produktif supaya menjadi usahawan asnaf dengan memperkenalkan bantuan modal seperti Lembaga Zakat Negeri Kedah (Mohd Faisol Ibrahim & Mohd Nasir Ali, 2022). Penggunaan wang agihan balik zakat secara efisien dan sepenuhnya akan diadakan dari semasa ke semasa dengan LZNK untuk diagihkan kepada asnaf yang layak. Dengan demikian itu, Pusat Kajian Fiqh Zakat Universiti Islam

Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) menyenaraikan kajian berkaitan Fiqh Zakat Zakat Produktif, Mikro Kredit dan Qard Hasan (Yusuf Othman & Mohd Fakhrudin Abdul Mukti, 2018).

**c) Skim Bantuan Pinjaman Perniagaan Secara *al-Qard* Hasan Pusat Zakat Melaka**

*“Jawatankuasa Fatwa Melaka pada tahun 2011 membenarkannya dengan syarat. Menurut mereka, skim bantuan pinjaman perniagaan secara al-Qard al-Hasan daripada asnaf al-gharimin boleh dibuka kepada sesiapa sahaja tanpa mengambil kira pendapatan pemohon selagaimana perniagaan yang dijalankan tidak bercanggah dengan hukum syarak. Skim ini telah diberhentikan pada tahun 2015 namun kutipan pembayaran semula masih lagi berjalan sehingga ke hari ini. Pendekatan menghapus kira pembayaran semula pembiayaan tersebut juga dilaksanakan kepada asnaf yang benar-benar tidak mampu membayar dan berdasarkan justifikasi oleh pihak Pusat Zakat Melaka.”* (Azlan/Atikah, soalan 30).

*“Skim bantuan pinjaman perniagaan secara qard hasan di Pusat Zakat Melaka sama seperti mana skim pembiayaan mikro kredit Lembaga zakat negeri Kedah. Pada saya sama je konsepnya. Konsep pinjaman asnaf mengikut keutamaanlab. Kalau kutipan duit tak banyak, priority nak bagi kepada yang daruriyat, mungkin bantuan berniaga ni, dana terhad.”* (Saifudin, soalan 5).

Dapatan kajian membicarakan bahawa pembiayaan *al-Qard* menggunakan dana zakat melalui Skim Bantuan Pinjaman Secara Qard al Hasan Pusat Zakat Melaka. Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) menyediakan bantuan produktif dalam bentuk pinjaman perniagaan. Mulai tahun 2008, pengagihan baru seperti pinjaman perniagaan dalam bentuk kewangan atau peralatan dan pinjaman *al-Qard al-Hasan* diperkenalkan. Hal ini diperkuatkan dengan Fatwa Negeri Melaka pada tahun 2011 yang membenarkan dana pinjaman untuk tujuan perkahwinan dan perniagaan zakat (Mohammad Azli Ab Rahman, & Zaini Nasohah, 2014). Menurut Ili Diyana Yusop et al. (2013), terdapat lebihan dana zakat di Melaka yang tidak diagihkan secara sepenuhnya akibat daripada lebihan dana yang dibawa ke hadapan. Hal ini menyebabkan berlaku jurang perbezaan pendapatan zakat sebenar dan jumlah agihan. Oleh yang demikian, pengurusan zakat di Melaka mengambil beberapa pendekatan bagi meningkatkan lagi keberkesanan agihan zakat supaya dana zakat dapat sampai kepada semua golongan asnaf.

Kajian menyimpulkan bahawa justifikasi menjalankan pembiayaan *al-Qard* menerusi dana zakat sangat relevan kerana terdapat usahawan Asnaf B40 memohon pinjaman kepada institusi lain melalui skim pembiayaan AIM dan skim pembiayaan TEKUN. Dalam pada itu, pembiayaan *al-Qard* telah dilaksanakan dalam bentuk pinjaman bukan wang zakat seperti program i-Bangkit di Bank Islam dan pinjaman peribadi dalam kalangan kakitangan MAIWP. Begitu juga terdapat model Pembiayaan *al-Qard* yang menggunakan dana zakat telah dibentuk dalam Pembiayaan Mikro Kredit Alliance Islamic Bank Berhad, Skim Pembiayaan Mikro Kredit LZNK dan Skim Bantuan Pinjaman Perniagaan di Pusat Zakat Melaka.

## KESIMPULAN

Hasil kajian menunjukkan terdapat tiga (3) tema bagi kategori Pembiayaan *al-Qard* Menerusi Dana Zakat. Kategori tersebut mengandungi tema usahawan asnaf memohon pinjaman kepada institusi lain, pinjaman bukan wang zakat dan pembiayaan *al-Qard* menggunakan dana zakat. Tema usahawan asnaf memohon pinjaman kepada institusi lain mengandungi dua (2) sub tema iaitu skim Pembiayaan AIM dan skim Pembiayaan TEKUN. Kemudian, tema pinjaman bukan wang zakat mengandungi dua (2) sub tema iaitu Program i-Bangkit dan Pinjaman Peribadi Kakitangan MAIWP. Tema terakhir pembiayaan *al-Qard* menggunakan dana zakat mengandungi sub tema iaitu Pembiayaan Mikro Kredit Alliance Islamic Bank Berhad, Skim Pembiayaan Mikro Kredit LZNK dan Skim Bantuan Pinjaman Perniagaan Secara *al-Qard* Hasan Pusat Zakat Melaka.

## RUJUKAN

- Al-Tabari, Abi Ja'far Muhammad ibn Jarir. (1968). *Jami' al-bayan 'an Ta'wil ayy al-Qur'an*, j.2, c.3. Misr: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi Wa Awladih.
- Mohhairil Isaruddin, Aizan Sofia Amin & Nur Saadah Mohamad Aun. 2021. Sokongan Psikologi dalam Perniagaan kepada Usahawan Belia Kurang Upaya Fizikal (Psychological Support in Business for Youth Entrepreneurs with Physical Disabilities). *Jurnal Psikologi Malaysia* 35(1): 74-86.
- Nor Aishah Mohamed & Muhammad Hussin. (2021). Persepsi Peminjam Kredit Mikro Terhadap Keperluan Pinjaman Dalam Perniagaan. *International Journal of Business and Economy* 3(4): 265-271.
- Khairil Anwar Mohd Amin .2021. Sinar Harian Online.60 peratus peniaga kecil gagal mendapat pinjaman. <https://www.sinarharian.com.my/BERITA / Nasional /60 -peratus-peniaga-kecil-gagal-mohon-pinjaman> [24 Jun 2022].

- Rofiih. 2011. *Kajian pelaksanaan al-qard al-hasan di Baitul Mal Wat Tamwil al-Khairat Pamekasan Madura Indonesia*. Tesis Dr. Fal, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Nurul Ilyana Muhd Adnan, & Muhammad Adib Che Roselam. 2018. Pengagihan Dana Zakat Dalam Bentuk Pembiayaan Mikro Untuk Usahawan Miskin Di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research* Vol. 13 (1): 1-14.
- Nurul Ilyana Muhd Adnan, Zahri Hamat, Mohammad Zaini Yahaya, & Mat Noor Mat Zain. (2017). Agihan zakat secara mikro kredit: analisis daripada perspektif maslahah. *Journal of Contemporary Islamic Law* 2(1): 45-59.
- Nurcahaya, Yusrialis, Akbarizan, Srimuhayati1, & Nurrahmi Hayani. 2019. Al-Qardh Dari Harta Zakat Bagi Mushtahik dan Implementasinya di Baznas Indonesia dan PPZ Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research* 17(2): 202-220.
- Rosbi Abd Rahman, Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid. 2008. *Perlaksanaan Bantuan Modal Zakat: Analisis Perbandingan*. Seminar Kebangsaan Ekonomi Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ili Diyana Yusop, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. (2013). Zakat: Analisis pengurusan dan trend agihan di Melaka. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VIII*, hlm. 926-937.
- Mohd Faisol Ibrahim & Mohd Nasir Ali. (2022). Membangunkan Usahawan Asnaf Melalui Dana Zakat Dengan Menggunakan Pembiayaan Mikro Islam Oleh Institusi Zakat Korporat. 6th Muzakarah Fiqh & International Conference 2022 (6th MFIFC). Kolej Universiti Islam Selangor, 13th & 14th December.
- Othman, Yusuf & Mohd Fakhrudin Abdul Mukti. (2018). Memperkasa Institusi Pendidikan Melalui Agihan Balik Zakat. *International Journal of Muamalat (IJM)* Volume 2 (1): 1-5.
- Mohammad Azli Ab Rahman & Zaini Nasohah. (2014). Pembaharuan Metode Agihan Zakat dalam Meningkatkan Ekonomi Golongan Fakir dan Miskin di Majlis Agama Islam Melaka. *Prosiding Kolokium Siswazah Syariah Peringkat Kebangsaan*, hlm. 209-225.
- Dessler, G. 1993. *Winning Commitment: How to Build and Keep a Competitive Workforce*. USA: McGraw-Hill, Inc.
- Shore, L.M. & Wayne, S.J. (1993). Commitment and employee behavior: Comparison of affective commitment and continuance commitment with perceived organizational support. *Journal of Applied Psychology* 78: 774-780
- Blau, P.M. (1964). *Exchange and power in sosial life*. New York: Wiley.

- Rhoades, L. & Eisenberger, R. (2002). Perceived organizational support: A review of the literature. *Journal of Applied Psychology* 87(4): 698-714
- Tuan Badrul Hisyam Tuan Soh. (2022). Pembiayaan mikro zakat merealisasikan agenda rangkuman kewangan. <https://www.sinarharian.com.my/article/224776/berita/nasional/pembiayaan-mikro-zakat-merealisasikan-agenda-rangkuman-kewangan> [24 September 2022]
- Dagangnews. (2022). Alliance Islamic lancar buku zakat dan pembiayaan mikro bantu usahawan asnaf. Di akses daripada <https://www.dagangnews.com/alliance-islamic-lancar-buku-zakat-dan-pembiayaan-mikro-bantu-usahawan-asnaf-19650>.
- Bernama, Bank Islam perluas BangKIT, galak usahawan muda <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/03/688911/bank-islam-perluas-bangkit-galak-usahawan-muda>. Mac 28, 2021 @ 3:31pm.
- Azman Yusuf. 2016. Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional. Temu bual, 31 Mac.
- TEKUN Nasional (2016). Pengenalan. <https://www.tekun.gov.my/ms/maklumat-korporat/info/pengenalan> [ 3 Julai 2022].
- Alwani Safiei, (2016). Kualiti dan Dokumentasi, Amanah Ikhtiar Malaysia. Temu bual, 31 Mei.
- Al-Syirazi, Abu Ishaq Ibrahim ibn Ali ibn Yusof al-Fairuz Abadi. (1996). *Al-Muhazzab fi Fiqh al-Imam al-Syafii*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Nik Abdul Rahim, Nurul Ilyana Muhd Adnan, Ahmad Husni Abd Rahman & Muhammad Furqan Abdullah. (2021). Analisi Hukum Qard Hasan Daripada Dana Zakat Menurut Perspektif Maqasid Syariah. *Proceedings of the 2<sup>nd</sup> Kedah Interbational Zakat Conference 2021 (i-KEIZAC 2021)*, hlm. 633-649.
- Zain al-Din bin Abd al-'Aziz. (t.th). *Fath al-Mu'in*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Syafii Antonio. (2001). *Bank Syariah dari Teori ke Praktek*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Al-Muhalli, Jalal al-Din bin Ahmad. (1995). *Hasyiatan Qalyubi wa 'Umairah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi, Yahya Ibn Sharaf. (t.th.) *al-Majmu'*, juz.5. Dar al-Fikri, Bairut.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il. (1988) *Tafsir al-Qur'an al-Adzim*, j.2. Misr: Dar al-Misr al-Tiba'ah.
- Mustafa Said al-Khin. (1996) *Al-Fiqh al-Manhaji 'ala Madhab al-Imam al-Shafi'i*. Damsyik: Dar al-'Ulum al-Insaniyah.
- Norajila Che Man, Nor Azlina Abd Wahab, Norafifah Ab Hamid, Nurul Izza Ahad, & Nuruul Hidayah Mansor. (2015) *Qard al-Hasan: Isu dan Amalannya di Malaysia*. Diakses dari

- [https://www.researchgate.net/publication/282854613\\_Qard\\_al\\_Hasan\\_Isu\\_dan\\_Amalan#fullTextFileContent](https://www.researchgate.net/publication/282854613_Qard_al_Hasan_Isu_dan_Amalan#fullTextFileContent) pada 15 Januari 2022.
- Wahbah al-Zuhayli. (1989) *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, j.2, cet.3, Damsyik: Dar al-Fikr.
- Mujaini Tarimin. (2005). *Zakat: Menuju Pengurusan Profesional*. Utusan Publications.
- Mustafa al-Zarqa'. (t.th). Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami, bil. III, vol. I, hal. 404.
- Yusuf al-Qaradawi. (1977) *Fiqh al-Zakah: Dirasah Muqaranah li Akhmiha wa Falsafatihah Fi Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah*, j.1, cet. 3. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Nurul Ilyana Muhd Adnan. (2015). *Mikro Kredit Daripada Dana Zakat di Baitul Mal Aceh dan Potensi Pelaksanaannya di Institusi-Institusi Zakat di Malaysia*. Universiti Sains Malaysia.
- Hasanah Abd Khafidz. (2006). *Asnaf lapan: Kesan nilai semasa dan setempat dalam pentafsirannya di Malaysia* (Tesis Kedoktoran, Jabatan Fiqh Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Petaling Jaya, Kuala Lumpur).
- Armiadi Musa Basyah. (2009). *Pentadbiran Zakat di Baitul Mal Aceh: Kajian Terhadap Agihan Zakat Bagi Permodalan Masyarakat Miskin*. Tesis Dr. Fal, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Temu bual dengan Muhammad Yasir Yusuf, mantan Pengarah Lembaga Amil Zakat Uthman Ibn Affan, Nanggroe Aceh Darussalam di Minden pada 25 Mei 2010.
- Zahri Hamat. (2010) Kelestarian Pengagihan Zakat Di Baitul Mal Aceh. kertas kerja, *International Seminar Regional Development, Law and Governance in Malaysia and Indonesia*, Universiti Utara Malaysia dengan kerjasama Universiti Islam Riau, 7-9 Jun.
- Kamaronni Zam. (2022). *Pelaksanaan Bantuan Zakat Perniagaan Kepada Golongan Asnaf B40 di MAIWP*. Temu bual, 19 November.
- Azlan/Atikah. (2022). *Pelaksanaan Bantuan Zakat Perniagaan Kepada Golongan Asnaf B40 di MAIWP*. Temu bual, 13 Disember.
- Rosman. (2022). *Pelaksanaan Bantuan Zakat Perniagaan Kepada Golongan Asnaf B40 di MAIWP*. Temu bual, 13 Disember.
- Saifudin. (2023). *Pelaksanaan Bantuan Zakat Perniagaan Kepada Golongan Asnaf B40 di MAIWP*. Temu bual, 4 Januari.
- Nadiha. (2022). *Pelaksanaan Bantuan Zakat Perniagaan Kepada Golongan Asnaf B40 di MAIWP*. Temu bual, 19 November.
- Nik. (2022). *Pelaksanaan Bantuan Zakat Perniagaan Kepada Golongan Asnaf B40 di MAIWP*. Temu bual, 13 Disember.
- Raziah Md Tahir. (2015). "Kesesuaian Pemakaian Kontrak al-Qard al-Hasan dalam Skim Pembiayaan Kredit Mikro Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)"

- Makalah 9th ISDEV International Islamic Development Management Conference*  
*Universiti Sains Malaysia.* Penang, 8-9 Disember.
- Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad al-Ansari. (1967) *Al-Jami' li al-Ahkam al-Qur'an*, j.3. Qahirah: Dar al-Katib al-'Arabi.
- Badruddin abi Mahmud bin Ahmad al-'aini.(t.th.) *Umdah al-Qari Syarh Sahib al-Bukhari*, j. 12. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibnu Mughirah bin Bardizbah al-Bukhari (t.t) *Sahib Bukhari*, j.1. Qahirah: Dar al-Hadith. h. 596.
- Ibn Mājah Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī. (t.th) *Sunan Ibn Mājah*, ed. Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī (t.tp.: Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, t.t.), no. hadith 2430, 2: 812.
- Muslim bin al-Hajjāj. (t.th). *Sahib Muslim*, ed. Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī (Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t.), no. hadith 2699, 4: 2074.